

Headline	TANAH SUBUR HUTAN TERPELIHARA		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	26 Jun 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	44,45	ArticleSize	844 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 33,248
Journalist	FAIRUL ASMAINI MOHD PILUS	PR Value	RM 99,745
Frequency	Daily		



# TANAH SUBUR HUTAN TERPELIHARA

FRIM jalankan kajian bagi memastikan aset negara dapat diwarisi generasi akan datang

**Fairul Asmaini Mohd Pilus**  
asmaini@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tanah dan tumbuh-tumbuhan adalah simbiosis yang saling memerlukan. Ini kerana untuk mendapatkan tumbuhan yang subur, sesuai kawasan tanaman itu memerlukan jenis dan struktur tanah yang sesuai.

Ketua Program Hutan Ladaang, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang juga Ketua Cawangan Pengurusan Tanah Dr Wan Rasidah Kadir berkata, secara umum tanah mempunyai lapisan berbeza dari segi ketebalan dan warna yang dipengaruhi oleh iklim, topografi, bahan induk, tumbuhan asal dan masa.

Katanya, tanah yang subur bukan saja dapat memberi sokongan kepada akar malah membekalkan nutrien serta oksigen dan air kepada tumbuhan.

"Tugas kami di bahagian ini adalah untuk melakukan proses penyelidikan dan pembangunan berkaitan kesuburan tanah bagi memastikan aset negara (hutan) kekal terpelihara," katanya.

Menurut Presiden Persatuan Sains Tanah Malaysia (MSSS) itu lagi, lazimnya tanah mineral berwarna putih, ia biasanya mudah menakung air apabila hujan

kerana kandungan lodak yang tinggi.

Begitupun, jika ia berwarna merah kemerahan, tanah berkenaan mengandungi kandungan besi yang tinggi, dan jika profil sekata menunjukkan saliran serta pengudaraan baik dan sesuai untuk kebanyakan tumbuhan.

"Tanah kehitaman pula biasanya mempunyai kandungan bahan organik tinggi, sekiranya jenis gambut ia menakung air selain pH rendah," katanya.

Kata Dr Wan Rasidah, dalam setiap proses kajian tanah di sesuatu kawasan, beliau dan pasukannya akan

turun padang termasuk ke ceruk pedalaman untuk mengambil sampel menggunakan alat pengorek khas yang dinamakan sebagai gerimit.

"Dengan alat ini, kita dapat mengambil sampel sedalam 1.2 meter tanpa merosakkan struktur tanah itu sendiri.

"Selain untuk tujuan kegunaan FRIM, kita juga menjalankan penyelidikan bersama agensi luar seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Institut Penyelidikan Hidrau-

Headline	TANAH SUBUR HUTAN TERPELIHARA		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	44,45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	844 cm <sup>2</sup>
Journalist	FAIRUL ASMAINI MOHD PILUS	AdValue	RM 33,248
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,745

lik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan banyak lagi,” katanya.

Menurut Dr Wan Rasidah lagi, beliau memiliki impian untuk melatih pakar penyelidikan mikrobiologi tanah kerana negara sekarang ini masih kekurangan tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

“Namun, ia bukan mudah dan mengambil masa yang panjang tetapi dengan komitmen, usaha dan sokongan berterusan dari-pada pelbagai pihak, ia tidak mustahil untuk dilakukan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap, inisiatif memulihara hutan paya bakau diberi penekanan serius berikutan fungsinya yang amat penting dalam aspek keseimbangan dan kelesta-

rian alam sekitar.

Katanya, dianggarkan ada kira-kira 641.8 hektar hutan paya bakau di negara ini dengan 17 peratus daripadanya berada di Semenanjung, 57 peratus di Sabah dan bakinya di Sarawak.

“Pokok paya bakau yang tebal serta padat dengan sistem akar timbul menjadi penampang semula jadi terbaik untuk mengurangkan kuasa hakisan oleh ombak pasang surut.

“Selain itu, paya bakau dapat membantu mengekalkan habitat hidupan sedia ada.

“Justeru, masyarakat terutama golongan muda perlu dididik mengenai aspek penjagaan alam sekitar bagi memastikan aset negara itu kekal terpelihara,” katanya.

## Wajah Kehidupan

*Peranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam melakukan penyelidikan dan pemuliharaan untuk mengekalkan hutan tropika negara ini sememangnya diakui.*

*Agensi yang diterajui Datuk Dr Abdul Latif Mohmod itu diberi tanggungjawab mengkaji kaedah pengurusan hutan secara berkekalan.*

*Selain hasil hutan, FRIM juga menjalankan kajian mengenai kimia tanah, fauna seperti mamalia kecil, hidrologi air, penanaman semula pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di kawasan dikenal pasti.*

*Wajah Kehidupan kali ini mengajak pembaca untuk memahami sendiri peranan agensi berkenaan dalam memastikan hutan tropika negara ini kekal terpelihara untuk warisan generasi akan datang.*

Headline	TANAH SUBUR HUTAN TERPELIHARA		
MediaTitle	Metro Ahad	Color	Full Color
Date	26 Jun 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	44,45	ArticleSize	844 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 33,248
Journalist	FAIRUL ASMAINI MOHD PILUS	PR Value	RM 99,745
Frequency	Daily		



**HUTAN paya bakau adalah pemampang semula jadi untuk mengurangkan kesan hakisan ombak (gambar hiasan).**

Headline	TANAH SUBUR HUTAN TERPELIHARA		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	44,45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	844 cm <sup>2</sup>
Journalist	FAIRUL ASMAINI MOHD PILUS	AdValue	RM 33,248
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,745



**TANAH** yang subur bukan saja dapat memberi sokongan kepada akar malah membekal nutrien serta oksigen dan air kepada tumbuhan (gambar hiasan).



**GOLONGAN** muda perlu dididik mengenai kepentingan menjaga alam sekitar (gambar hiasan).